



# Pakaian hospital tutup aurat

Rekaan terkini daripada penyelidik muda Usim

**M**enjaga aurat sememangnya dituntut dalam Islam. Atas kesedaran itu, sekumpulan mahasiswa, penuntut perubatan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), menjalankan kajian menghasilkan rekaan pakaian hospital yang patuh syariah terutama untuk golongan wanita.

Projek ini diketua Hanisah Hassan, 24, penuntut tahun akhir Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Menurutnya, produk ini secara asasnya adalah sehelai baju hospital, tetapi membawa makna besar kepada pesakit terutama wanita apabila mereka berjaya menyediakan sehelai baju yang menutup aurat meliputi tudung dan berliengan panjang dikenali dengan nama Hurma.

"Projek ini asalnya daripada tugas kumpulan yang wajib dijalani setiap pelajar perubatan. Tugas ini memerlukan pelajar mengulas satu isu semasa fiqh dalam jabatan pakar sakit puan. Tajuk aurat wanita dalam hospital dicadangkan oleh Prof Madya Dr Muhammad Shamsir Muhd Aris kepada salah satu kumpulan tersebut. Dari situ, timbul idea untuk mereka satu baju yang khusus untuk menjaga kehormatan pesakit di dalam hospital," katanya.

Jelas Hanisah, rekaan Hurma ini asalnya daripada projek penyelidikan dua tahun lepas, ketika mereka menjalani latihan sebagai pakar sakit puan.

"Penyelia kami, Prof Madya Dr Muhammad Shamsir Muhd Aris, selaku Dekan Fakulti Perubatan Usim dan doktor pakar sakit puan mencadangkan satu kumpulan pelajar untuk membuat konsep aurat wanita di hospital. Pada masa itu saya belum terlibat lagi dalam projek ini. Daripada penyelidikan tersebut, Prof mencadangkan kami mencipta satu rekaan baju hospital berkonsepkan menjaga aurat pesakit," katanya.

## IDEA DAN REKAAN

Tambah Hanisah, penyelidikan terhadap rekaan ini bermula awal 2014 dan masih lagi melalui beberapa fasa penyelidikan. Banyak pihak yang terlibat dalam kajian ini termasuk pelajar, pensyarah dan orang luar. Segala kos penyelidikan ditanggung pihak Usim, bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan. Kos



penyediaan hanya RM95 untuk sehelai.

Berkonsepkan menuntut aurat, namun rekaan ini tidak tertumpu kepada kaum wanita sahaja.

Katanya, walaupun pada mulanya rekaan Hurma berpandukan konsep aurat wanita, namun secara umumnya ia juga boleh dipakai oleh pesakit lelaki kerana bagi pesakit lelaki juga terdapat bahagian tertentu yang perlu dijaga (contoh: seluar yang menutup kaki semasa prosedur melibatkan bahagian sulit).

"Walaupun kumpulan sasaran pada mulanya ialah pesakit dalam jabatan sakit puan, namun ia juga boleh dipakai tidak kira jantina atau agama," katanya.

Bercerita soal jahitan, Hanisah berkata, dalam kumpulan mereka ada dua peserta yang menjadi tukang jahit produk ini.

"Kawan saya, telah menjahit prototaip yang pertama, dan prototaip kedua dijahit oleh ibu saya. Kami terdiri daripada tujuh penuntut perubatan, dan ibu saya juga, Mutmainnah terlibat sebagai konsultasi dalam rekaan," katanya.

Selain itu, akui Hanisah dia dan rakan-



Model (tengah) memakai Hurma, pakaian hospital rekaan Hanisah.

rakan berdepan dengan beberapa cabaran dalam menyiapkan rekaan ini.

"Kami mengalami kesulitan untuk mencari cara bagaimana untuk menghasilkan rekaan yang praktikal dan mudah digunakan, tetapi pada masa sama, dapat berfungsi seperti yang kami mahukan. Untuk peringkat prototaip, kami berpandukan saiz M pakaian hospital biasa.

"Untuk material, kami gunakan material yang sama digunakan di hospital kerajaan sekarang kerana ia selesa dan tahan lama. Ia diperbuat daripada kain kapas," katanya.

## DIKTIRAF DALAM NRIC

Bagi perancangan akan datang, Hanisah berkata, dengan bantuan universiti produk ini akan dikomersilkan kepada pihak-pihak hospital.

"Mungkin untuk fasa awal, kami akan buat percubaan di dua hospital berlainan iaitu satu swasta dan satu lagi kerajaan. Dari situ kami akan menerima maklum balas daripada pesakit, doktor, dan jururawat berkenaan kemudahan pemakaiannya," katanya.

Hanisah juga berjaya menarik perhatian hakim apabila menerima anugerah utama, *The Best NRIC Award* membawa pulang wang tunai bernilai RM5,000, trofi dan piala iringan.

Novel Research and Innovation Competition 2015 (NRIC) kali ini bertemakan *Modernising Innovation Beyond Novelty Research*. NRIC 2015 menjadi medan pertandingan penyelidikan yang memberi penekanan untuk menghasil dan mengembangkan penemuan baharu dalam bidang sains dan teknologi, di samping seni dan sastra antarabangsa dengan mengutamakan golongan terkebahawah.

Bersandarkan kekuatan penyelidikan *Hurma-Advanced Hospital Gown* juga, Hanisah turut memenangi anugerah *Best Presenter NRIC 2015*. Sebelum ini produk Hurma turut tersenarai di Finalis Anugerah Inovasi Negara iaitu antara 10 produk terbaik dari 280 penyertaan bagi kategori akar umbi yang berlangsung di National Innovation Conference and Exhibition (NICE) 2015 di KLCC.



Bersama pingat setelah menang hadiah utama *The Best NRIC Award* dalam NRIC 2015.

Universiti awam/swasta/IPTA/IPTS yang ingin berkongsi penyelidikan dan inovasi, emelkan kepada salwani@sinarharian.com.my